

05/06/2003

53,000 orang Melayu muflis

KANGAR: Lebih 53,000 orang Melayu di negara ini diisytiharkan muflis sehingga akhir 2002, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Beliau berkata, komuniti itu adalah 51 peratus daripada 104,770 kes kebangkrutan sehingga tahun lalu, diikuti Cina (39 peratus), India (sembilan peratus) dan satu peratus membabitkan bangsa lain.

"Mereka berkenaan mengamalkan gaya hidup boros dan menanggung bebanan hutang kad kredit sehingga diisytihar muflis," katanya ketika membentangkan kertas kerja di Seminar Pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari Aspek Politik dan Ekonomi sempena Konvensyen Umno Perlis di sini, semalam.

Shafie berkata, kontraktor adalah golongan terbanyak diisytihar bankrap diikuti pengusaha restoran dan penjual kereta terpakai. Selain itu ramai yang muflis kerana rugi bermain saham.

"Mereka berkenaan di kenal pasti tiada pengetahuan asas dalam bidang perniagaan dan gagal membayar balik pinjaman daripada institusi kewangan," katanya.

Beliau berkata, sebahagian besar kes bankrap itu membabitkan mereka berusia di antara 40 hingga 50 tahun dan lebih 81 peratus adalah lelaki.

"Ramai juga yang menjadi mangsa selepas menjadi penjamin kepada individu yang diisytiharkan muflis," katanya.

Selain itu, katanya, orang Melayu memegang 23.7 peratus ekuiti syarikat bermodal bawah RM10 juta, 25.7 peratus saham syarikat bermodal lebih RM10 juta hingga RM100 juta, 13.9 peratus ekuiti syarikat bermodal lebih RM100 juta hingga RM2,500 juta.

"Pegangan ekuiti orang Melayu bagi syarikat yang bermodal lebih RM2,500 juta hingga RM10,000 juta dan RM10,000 juta ke atas hanya membabitkan 6.8 peratus manakala selebihnya dimonopoli bangsa lain," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Shafie berkata, enam orang Melayu tergolong dalam 20 individu terkaya di Malaysia dengan nilai aset mereka melebihi RM5 bilion.

Orang Melayu terkaya di Malaysia ialah Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary menerusi syarikat Yayasan Albukhary dengan asetnya kira-kira RM1.67 bilion, diikuti Pengerusi MK Land Holdings Berhad, Tan Sri Mustapha Kamal yang dianggarkan mempunyai harta lebih RM1 bilion.

Mereka yang lain ialah Raja Datuk Seri Eleena Raja Azlan Shah dari syarikat Gamuda Berhad, Datuk Hamdan Mohamad (syarikat Ranhill Berhad), Tan Sri Rozali Ismail (Puncak Niaga Holdings Berhad) dan Tan Sri Azman

Hashim dari syarikat Arab-Malaysian Group.